

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**KAWASAN : LANANG**  
**TARIKH : 10 JUN 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) berapa peratus dan panjang jalan raya di Lebuhraya Pan Borneo yang masih merupakan jalan raya dua hala; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk menaik taraf seluruh jalan di Lebuhraya Pan Borneo kepada jalan raya berkembar dua hala. Jika ada, berapakah tempoh pelaksanaan yang diperlukan dan jumlah peruntukan yang telah diberi untuk Lebuhraya Pan Borneo setakat ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak panjang keseluruhan Jalan Pan Borneo ialah 2,239km. Daripada jumlah tersebut, 1,166km di Sabah dan 1,073km di Sarawak. Pada masa kini 251km atau 11% daripada keseluruhan Jalan Pan Borneo telah siap dibina dan dinaik taraf kepada laluan *dual-carriageway*, iaitu 114km di Sabah dan 137km di Sarawak.

(b) Perancangan untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Pan Borneo kepada laluan *dual-carriageway* dibuat berasaskan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2), terbitan tahun 2010. HNDP Fasa 2 ini mencadangkan Jalan Pan Borneo dinaikkan taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025. Anggaran kos keseluruhan ialah sebanyak RM22 bilion (RM9.5 bilion di Sabah, RM12.5 bilion di Sarawak). Peruntukan Kerajaan yang telah diluluskan untuk program Jalan Pan Borneo bagi tempoh dari tahun 2011 hingga kini (2014) ialah sebanyak RM1.93 bilion.

Sekian. Terima kasih.